

Apa Yang Boleh Anda Lakukan

1. **Pelajari tanda-tandanya.** Pesan Kad Penunjuk kami, dalam bentuk kad yang bersaiz dompet dalam 17 bahasa yang menyenaraikan tanda-tanda utama. Anda boleh mengedar kad ini di kawasan setempat anda kepada mereka yang mungkin berhubungan dengan mangsa. Ketahui lebih lanjut di: www.dhs.gov/bluecampaign.
2. **Laporkan tip-tip perdagangan haram manusia.**

Untuk melaporkan kegiatan penyeludupan manusia yang disyaki atau mendapatkan bantuan daripada penguat kuasa undang-undang persekutuan, telefon 1-866-347-2423 atau kemukakan tip dalam talian di www.ice.gov/tips.

Individu di seluruh dunia boleh melaporkan kegiatan jenayah yang disyaki kepada Talian Tip Penyiasatan Kawalan Keselamatan Dalam Negeri (HSI) yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, setiap hari dalam setahun. Talian Tip boleh dicapai di peringkat antarabangsa dengan menghubungi 802-872-6199. Pakar yang sangat terlatih mengambil laporan daripada kedua-dua-dua agensi awam dan penguat kuasa undang-undang bagi lebih 400 undang-undang yang dikuat kuasa oleh HSI, termasuk yang berkaitan dengan perdagangan haram manusia.

Telefon Pusat Sumber Perdagangan Haram Manusia Kebangsaan (NHTRC) di 1-888-373-7888 untuk:

- Dapatkan bantuan dan berhubung dengan pembekal perkhidmatan di kawasan anda;
- Sediakan maklumat mengenai kegiatan penyeludupan manusia yang berpotensi; or
- Ketahui lebih lanjut dengan meminta latihan, bantuan teknikal, atau sumber.

NHTRC adalah talian penting bebas tol kebangsaan yang bersedia untuk menjawab panggilan anda dari mana jua dalam negara, 24 jam dan dikendalikan oleh organisasi bukan kerajaan.

3. **Didik diri anda dan komuniti anda.** Sertai latihan dalam talian interaktif kami secara percuma untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyeludupan manusia dan penunjuk lain yang anda harus ketahui, dan minta orang lain yang anda kenali supaya mengambil latihan ini. Pergi ke: www.dhs.gov/bluecampaign.
4. **Sebarkan berita ini!** Beritahu rakan sekerja anda mengenai Blue Campaign, dan pelbagai program yang sedia ada yang kami tawarkan, dan kepada keluarga serta sesiapa sahaja yang berminat. Disediakan di www.dhs.gov/bluecampaign.
5. **Kunjungi laman web Blue Campaign.** Untuk mendapatkan lebih banyak latihan, bahan temu seru, bahan bantuan mangsa, dan maklumat mengenai cara anda boleh menyertai perjuangan dalam menamatkan perdagangan haram manusia, pergi ke: www.dhs.gov/bluecampaign. "Sukai" kami di Facebook: www.facebook.com/bluecampaign. Atau, hubungi kami di: BlueCampaign@hq.dhs.gov.

APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?

Mengenal pasti mangsa dan melapor kes perdagangan haram manusia yang disyaki

APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN?

Mengenal pasti mangsa dan melapor kes perdagangan haram manusia yang disyaki

Mangsa Dapat Dilihat Dengan Jelas

Guru, jururawat, pekerja sosial, pemimpin agama, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah ahli komuniti dan berkemungkinan menemui—dan mengenal pasti dan membantu—mangsa perdagangan haram manusia. Anda harus mempelajari tanda-tanda dan penunjuk perdagangan haram manusia. Ini merupakan langkah pertama ke arah mengenal pasti mangsa dan membawa pedagang haram ke muka pengadilan, yang akan membantu memastikan komuniti anda selamat.

Terdapat Mangsa Perdagangan Haram dalam Komuniti Kita

Mangsa perdagangan haram boleh jadi sebarang usia, kaum, jantina, atau warganegara, termasuk warga A.S

Mereka mungkin atau mungkin tidak mempunyai status imigresen yang sah. Mangsa ditemui dalam kedua-dua sektor pekerja sah dan tidak sah; sesetengah diperdaya dengan janji palsu tentang bayaran yang lumayan bahkan juga kasih sayang. Mereka mungkin ditemui di tempat ibadat, sekolah, kediaman, hotel, restoran, tapak pembinaan, ladang, stesen bas dan kereta api, lapangan terbang, taman kejiranan, tempat perhentian lori dan kawasan rehat di lebuh raya; atau di rumah urut, bar dan kelab tarian bogel. Sering kali, mereka dipaksa atau diugut untuk menjadi pembantu domestik, buruh ladang atau kilang, atau jenis buruh paksa lain, atau seks komersil (pelacuran). Di bawah undang-undang persekutuan, setiap individu di bawah umur yang dipujuk untuk melibatkan diri dalam seks komersil adalah mangsa perdagangan haram manusia.

Bagaimana Pedagang Haram Beroperasi

Pedagang haram mencari mangsa yang tiada atau mempunyai sedikit jaminan sosial. Mereka mencari orang yang lemah berdasarkan beberapa sebab, termasuklah kesukaran ekonomi, keganasan di rumah, bencana alam, atau ketidakstabilan politik. Pedagang-pedagang haram menggunakan pelbagai strategi untuk menjerat mangsa, termasuklah menggunakan keganasan atau ugutan keganasan, di samping pujukan psikologi. Trauma juga boleh jadi begitu hebat sehinggakan ramai yang tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya mangsa atau ingin meminta bantuan, meskipun dalam keadaan yang terdedah pada khalayak awam.

Pedagang haram sering beroperasi dengan:

- Menggunakan keganasan atau mengancam seseorang atau ahli keluarga orang itu;
- Mencederakan atau menyekat orang itu daripada keperluan asas seperti makanan, air dan tidur;
- Membuat janji palsu mengenai kasih sayang dan perhubungan intim;
- Membuat janji palsu mengenai pekerjaan dan kediaman yang bagus;
- Mencegah mangsa daripada menghadiri majlis agama;
- Menyekat hubungan dengan sahabat handai atau keluarga;
- Menyekat kebebasan atau pergerakan;
- Mengawal dokumen pengenalan orang itu;
- Mengancam dengan penghantaran pulang atau tindakan penguatkuasaan undang-undang; dan/atau
- Menuntut gaji orang itu untuk membayar hutang yang didakwa.

Tanda-tanda Perdagangan Haram Manusia

Dengan mengenal pasti mangsa dan melaporkan tip, anda melakukan tanggungjawab anda dalam membantu menyelamatkan mangsa, dan anda mungkin menyelamatkan nyawa. Anda boleh menghubungkan mangsa dengan perkhidmatan seperti perubatan dan penjagaan kesihatan mental, tempat perlindungan, latihan pekerjaan, dan bantuan undang-undang yang mengembalikan semula kebebasan dan maruah mereka. Keselamatan anda dan mangsa dipandang amat serius. Jangan pada bila-bila masa cuba untuk berhadapan secara langsung dengan pedagang haram yang disyaki atau memberi amaran pada mangsa mengenai keraguan anda. Kehadiran atau ketiadaan mana-mana penunjuk tidak semestinya bukti perdagangan haram manusia berlaku. Terpulang pada penguatkuasaan undang-undang untuk menyiasat kes perdagangan haram manusia yang disyaki.

- Adakah orang itu kelihatan terputus hubungan daripada keluarga, rakan, organisasi komuniti, atau rumah ibadatnya?
- Adakah kanak-kanak itu telah berhenti sekolah?
- Adakah orang itu mengalami perubahan tingkah laku yang mendadak atau dramatik?
- Adakah remaja itu terlibat dalam aktiviti seks komersil?
- Adakah orang itu hilang orientasi atau keliru, atau menunjukkan tanda-tanda penderaan mental atau fizikal?
- Adakah orang itu ada tanda lebam dalam pelbagai peringkat pemulihan?
- Adakah orang itu takut, malu, atau mudah mengikut kata?
- Adakah orang itu menunjukkan tanda-tanda dia tidak diberi makanan, air, tidur, atau penjagaan perubatan?
- Adakah orang itu sering ditemani oleh seseorang yang kehendaknya dipatuhi? Atau seseorang kelihatan seperti mengawal situasi, cth., ke mana mereka pergi atau dengan siapa mereka berbual?
- Adakah orang itu kelihatan dibimbing mengenai apa yang perlu diungkapkan?
- Adakah orang itu tinggal dalam keadaan yang tidak sesuai?
- Adakah orang itu kekurangan harta benda peribadi dan tidak tinggal dalam keadaan yang stabil?
- Adakah orang itu mempunyai kebebasan bergerak? Bolehkah orang itu meninggalkan tempat tinggal mereka dengan bebas? Adakah terdapat langkah kawalan keselamatan yang tidak munasabah?